



Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera/Bukan Bumiputera (Jawatan Akademik) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Pensyarah Sambilan Sepenuh Masa** di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah/ Kampus Seremban/ Kampus Rembau.

A. JAWATAN AKADEMIK

KAMPUS	FAKULTI/ KOLEJ PENGAJIAN	BIDANG	JADUAL GAJI	
			SARJANA MUDA	SARJANA/ DOKTOR FALSAFAH
UiTM KAMPUS KUALA PILAH	FAKULTI SAINS GUNAAN	SAINS DAN TEKNOLOGI MAKANAN	RM 2300.00	RM 2800.00
UiTM KAMPUS SEREMBAN	AKADEMI PENGAJIAN BAHASA	BAHASA KETIGA (MANDARIN)		
	FAKULTI SAINS SUKAN & REKREASI	PENGURUSAN SUKAN		
		SAINS SUKAN		
	JABATAN UNDANG- UNDANG	UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN		

JAWATAN AKADEMIK

1. PENSYARAH SAMBILAN SEPENUH MASA UiTM

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan (Jawatan Akademik)
 - (c) Syarat Kelayakan
 - i. Memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ PhD dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Universiti dan :
 - ii. Mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf
 - iii. Mendapat PGNK 3.00 dan ke atas atau Kelas Kedua Tinggi untuk tahap kelayakan (Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana) yang diperlukan untuk peringkat pengajaran (Diploma/ Ijazah Sarjana Muda) dan:
 - iv. Menguasai Bahasa Inggeris (lisan dan tulisan) dengan baik
2. Telah tamat pengajian sepenuhnya (sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana)
3. Mempunyai pengalaman mengajar dan kemahiran menggunakan teknologi bagi tujuan pengajaran merupakan satu kelebihan
4. Mempunyai rekod peribadi yang baik (Contoh: Calon yang pernah dibuang kerja atas sebab tatatertib tidak boleh dipertimbangkan)

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari laman sesawang di <https://pengambilancns.uitm.edu.my/> dan membuat permohonan secara dalam talian (online) sahaja dengan mengisikan maklumat yang diperlukan.
2. Pemohon dikehendaki membeli nombor pin di dalam sistem Pengambilan UiTMCNS dengan bayaran RM10.00 bagi setiap nombor pin untuk setiap satu jawatan yang dimohon.
3. Sekiranya anda terpilih untuk ditemuduga, sila bawa bersama dokumen asal dan satu (1) salinan borang yang telah dicetak dan disahkan ke sesi temuduga. Sekiranya dokumen lengkap tidak dikemukakan, panggilan temuduga adalah terbatas. Dokumen-dokumen yang telah disahkan hendaklah dikepulkan mengikut susunan berikut:
 - i. Borang Permohonan
 - ii. Kad Pengenalan
 - iii. Sijil Kelahiran
 - iv. Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - v. Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
 - vi. Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
 - vii. Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja/penetapan gaji
 - viii. Salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
 - ix. Dokumen berkaitan yang dipohon
4. Maklumat tambahan, bagi permohonan jawatan Pensyarah/Pensyarah Kanan/Profesor Madya/Profesor:
 - Pemohon-pemohon berkelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki CGPA 3.00 ke atas/Kelas Kedua Tinggi/Mumtaz/Jayyid Jiddan atau yang setaraf diperingkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana. (Pengecualian bagi pemohon yang telah memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setara
 - Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
5. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah tidak berjaya.
6. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan di proses.
7. Tarikh iklan dikeluarkan pada 06 Februari 2024 (Selasa). **Tarikh tutup permohonan adalah pada tarikh 20 Februari 2024 (Selasa).**

Sebarang pertanyaan dan aduan boleh dikemukakan di sini.

Alamat:

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS KUALA PILAH, BETING
72000, KUALA PILAH
NEGERI SEMBILAN**

No Tel:+(606)-4823 2100 / 483 2210
Email: gpentadbirancns@uitm.edu.my